



KETUA PENGARAH PERANCANGAN BANDAR DAN DESA

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Aras 13, Blok F5, Kompleks F, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : 603-8091 0000
Laman Web : www.planmalaysia.gov.my
E-mel : alias@planmalaysia.gov.my

Rujukan Kami : JPBD (IP) 185/656/23 (4)
Tarikh : 18 September 2023

Pekeliling Setiausaha Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) Bilangan 2 Tahun 2023

PEMAKAIAN PELAN INDUK SALIRAN MESRA ALAM (PISMA) DALAM PEMBANGUNAN TANAH

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan semua Bahagian di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) Ibu Pejabat, Pejabat Projek Zon, PLANMalaysia Negeri, Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi menerima pakai **Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA)** dalam pembangunan tanah dengan mengambil kira cadangan PISMA dalam Kebenaran Merancang (KM) dan kajian semula Rancangan Tempatan.

LATAR BELAKANG

2. Pengurusan sistem saliran di negara ini diuruskan oleh pelbagai pihak seperti PBT, JPS, pemaju dan agensi-agensi yang berkaitan. Sehubungan dengan itu, **Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA)** diperlukan bagi bandar-bandar utama di seluruh Malaysia sebagai panduan dan rujukan bagi PBT, pemaju dan mana-mana pihak yang berkaitan untuk menaik taraf, membina sistem saliran serta merancang pembangunan masa hadapan yang lebih terancang, sistematik dan mampan bagi mengurangkan risiko banjir kilat dan mengawal pencemaran akibat pembangunan.

Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional



3. Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) merupakan dokumen pelan induk yang mematuhi konsep Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) yang boleh dijadikan panduan dan rujukan untuk merancang pembangunan masa hadapan yang lebih sistematik dan mampan.

PENERIMAPAKAIAN PELAN INDUK SALIRAN MESRA ALAM (PISMA)

4. Pelan induk ini telah dipersetujui untuk pemakaian dan pelaksanaannya di semua Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui **Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) Kali ke-41 Bilangan 1 Tahun 2023 pada 17 April 2023.**

5. Umumnya, dokumen ini menerangkan dan memberi panduan kepada perkara-perkara berikut:

- i. Maklumat dan data yang dikumpul dalam pelaksanaan kajian PISMA termasuk topografi, geologi, jenis tanah, sistem sungai, sistem saliran sedia ada, lokasi stesen hujan, lokasi banjir, kawasan tadahan banjir, data hujan dan data penyejatan (*evaporation*);
- ii. Penggunaan tanah sedia ada dan cadangan guna tanah yang telah diwartakan dalam Rancangan Fizikal Negara / Rancangan Struktur Negeri / Rancangan Tempatan Daerah dirujuk dalam kajian PISMA untuk menghasilkan unjuran pembangunan tanah untuk 30 tahun akan datang. Unjuran ini boleh diambil kira dalam cadangan penyelesaian jangka panjang serta boleh dirujuk bagi pembangunan baru;
- iii. Analisis hidrologi dan hidrodinamik yang melibatkan interaksi antara sistem saliran dalaman (saliran buatan) dan sistem saliran semula jadi (sungai dan anak sungai) seterusnya menjana satu peta banjir sebagai rujukan;
- iv. Penilaian kapasiti sistem saliran bagi menunjukkan kapasiti sistem saliran dan mengesyorkan sistem saliran yang perlu dinaik taraf segera;

- v. Mengenal pasti isu-isu dan kelemahan pada sistem saliran sedia ada dan seterusnya menerangkan secara komprehensif penyelesaian jangka masa panjang untuk mengurangkan risiko kejadian banjir kilat;
- vi. Menerangkan Amalan Pengurusan Terbaik (BMPs) yang boleh dilaksanakan bagi mengawal pencemaran akibat pembangunan;
- vii. Pembangunan sistem inventori berkaitan saliran;
- viii. Pelan Cadangan Aras Pembangunan yang akan mengesyorkan aras pembangunan berdasarkan paras banjir 100 ARI dan Pelan Risiko Hakis yang menjadi panduan supaya langkah mitigasi boleh dirancang.

6. Pelan induk ini mengambil kira perancangan guna tanah masa kini dan masa hadapan dalam merancang infrastruktur saliran, kawalan pembangunan, kawasan-kawasan sensitif alam sekitar dan kawasan dataran banjir yang dapat membantu pembangunan yang lebih mampan dan pembangunan infrastruktur yang lebih berdaya tahan.

7. Pelan ini boleh diterjemahkan ke dalam kawalan perancangan khususnya semasa penyediaan dan pengemukaan permohonan kelulusan pelan Kebenaran Merancang (KM) dan penyediaan rancangan pemajuan seperti rancangan struktur (RS), rancangan tempatan (RT) dan rancangan kawasan khas (RKK).

PEMATUHAN

8. Semua Bahagian di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) Ibu Pejabat, Pejabat Projek Zon, PLANMalaysia Negeri, Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bertanggungjawab memastikan Pelan Induk Saliran Mesra Alam diterima pakai dan dirujuk semasa:

- i. Peringkat kelulusan Kebenaran Merancang (KM); dan
- ii. Peringkat kajian semula Rancangan Tempatan (RT).

9. Ini adalah selaras dengan fungsi Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) sebagai Majlis tertinggi yang bertanggungjawab ke atas hal ehwal perancangan bandar dan desa di peringkat persekutuan dan fungsi Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) merangkap Setiausaha MPFN seperti mana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 2B (1), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) yang bertanggungjawab untuk menjalankan dan menyelaraskan penyelidikan berkaitan dengan aspek perancangan bandar dan desa serta menyiarkan laporan atau terbitan lain yang berhubungan dengan perancangan bandar dan desa.

TARIKH KUAT KUASA

10. Pekeliling ini berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan.

PEMAKAIAN

11. Pekeliling ini perlu diterima pakai di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) Ibu Pejabat, Pejabat Projek Zon, PLANMalaysia Negeri, Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

PERTANYAAN

12. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada:

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Blok F5, Kompleks F, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 PUTRAJAYA
(u.p.: Bahagian Rancangan Fizikal Negara)
No. Tel.: 03 8091 0196 / 0166 / 0194

PENUTUP

13. Pekeliling ini dipanjangkan kepada semua Bahagian di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) Ibu Pejabat, Pejabat Projek Zon, PLANMalaysia Negeri, Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk perhatian dan tindakan sewajarnya.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(TPr DR. ALIAS BIN RAMELI)

18 September 2023

- s.k.
- i. Semua Pengarah Bahagian
 - ii. Semua Pengarah Pejabat Projek Zon
 - iii. Semua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) Negeri
 - iv. Semua Pihak Berkuasa Negeri (PBN)
 - v. Semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)